



Transformasi Ekonomi melalui Pelancongan Bernilai Tinggi

Selepas hampir dua tahun pintu sempadan ditutup akibat pandemik, Malaysia kembali menerima pelawat antarabangsa apabila sempadan dibuka sepenuhnya pada 1 April 2022. Daripada sasaran awal beberapa juta pelawat pada tahun pemulihan itu, momentum kedatangan pelancong meningkat dengan ketara sehingga negara merekodkan lebih daripada 20.1 juta orang pelancong antarabangsa pada tahun 2023 dan sekitar 25 juta orang pelawat pada tahun 2024. Hal ini menyaksikan peningkatan lebih daripada 24 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya.

Memasuki tahun 2025, landskap pelancongan negara semakin rancak, iaitu pada suku pertama sahaja Malaysia menerima kira-kira 10.1 juta orang pelancong antarabangsa dan muncul sebagai destinasi paling banyak dikunjungi di Asia Tenggara bagi tempoh tersebut. Pada masa yang sama, pelancongan domestik terus menjadi tonggak penting dengan 69.7 juta orang pelawat domestik dan perbelanjaan sebanyak RM29.4 bilion direkodkan

pada suku pertama tahun 2025 diikuti dengan 73.8 juta orang pelawat pada suku kedua yang menggambarkan kepesatan pergerakan dan perbelanjaan rakyat Malaysia sendiri di dalam negara.

Mengira Setiap Ringgit di Sebalik Lambaian Selamat Datang

Implikasi terhadap ekonomi negara amat ketara berikutan peningkatan kedatangan

pelancong ini. Selain menyokong sektor pelancongan secara langsung, perbelanjaan pelawat turut menjanakan pendapatan dan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor lain. Menurut Akaun Satelit Pelancongan 2024, sektor pelancongan menjanakan pendapatan kira-kira RM291.9 bilion dan menyumbang 15.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, serta menyokong sekitar 3.5 juta pekerjaan, iaitu 21.6 peratus daripada jumlah guna tenaga Malaysia. Perbelanjaan pelancongan domestik sahaja mencecah RM106.7 bilion pada tahun 2024, meningkat lebih daripada 25 peratus berbanding dengan tahun 2023.

Manfaat ekonomi ini tersebar luas di destinasi utama seperti Kuala Lumpur, George Town (Pulau Pinang), Melaka, Kota Kinabalu, Kuching, Cameron Highlands, Ipoh, serta pulau peranginan seperti Perhentian dan Tioman yang kerap tersenarai antara destinasi terbaik untuk dikunjungi di Malaysia. Daya tarikan negara bukan sahaja terletak pada hutan hujan tropika, taman negara dan pantai berpasir putih, tetapi juga pada kepelbagaian budaya dan gastronominya. Warisan makanan jalanan Pulau Pinang yang diiktiraf sebagai antara destinasi makanan paling menarik di Asia bersama-sama kepelbagaian rasa Melayu, Cina dan India yang mewarnai pasar malam, serta restoran di ibu kota terus mengukuhkan daya tarikan tersebut.

Dari sudut pendapatan, setiap pelawat membawa nilai ekonomi yang nyata. Dalam konteks ini, kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026) dilancarkan pada 27 September 2025 di Melaka oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan tumpuan terhadap pelancongan berkualiti tinggi dan lestari. Kempen ini menetapkan sasaran untuk menarik 47 juta orang pelancong asing dan meningkatkan pendapatan hasil pelancongan pada tahun 2026. Gabungan peningkatan kedatangan pelawat, perbelanjaan purata yang semakin tinggi dan strategi TMM 2026 ini menjadikan sektor pelancongan satu daripada enjin penjana pendapatan negara dalam dekad pascapandemik.

Profil Perbelanjaan Pelancong dan Implikasinya terhadap Ekonomi Negara

Pengenalpastian jenis pelancong adalah penting bagi memahami aktiviti, pengalaman dan corak perbelanjaan mereka. Hal ini untuk memastikan aktiviti pelancongan di sesuatu destinasi memberikan pulangan ke atas kos yang terlibat untuk pembangunan dan penyelenggaraan destinasi tersebut. Kepuasan pelancong diterjemahkan dalam bentuk perbelanjaan yang merangsang pertumbuhan ekonomi setempat dan nasional. Segmentasi pasaran menjadi kaedah efektif untuk mengenali keperluan, tingkah laku dan kecenderungan pelancong kerana pelancong yang berkunjung ke lokasi



sama pada masa yang sama tidak semestinya mempunyai pola perbelanjaan yang serupa.


Melalui pendekatan ini, pelancong dikelompokkan mengikut demografi, ciri perjalanan dan pemboleh ubah lain bagi meramalkan tingkah laku dan pilihan mereka. Sebagai contoh, terdapat profil pelancong yang dibentuk berdasarkan motivasi dalam pemilihan penginapan seperti penjimatan kos, pencari suasana rumah, pengguna kolaboratif, pencari keunikan pragmatik dan pencari keunikan interaktif. Segmen ini lazimnya mencirikan umur, pendidikan dan tahap kewangan isi rumah. Selain itu, profil pelancong juga sering dibentuk berdasarkan tabiat berbelanja yang dipengaruhi negara asal, saiz kumpulan, pendapatan, serta tujuan perjalanan.

Dalam beberapa kajian, pelancong dibahagikan kepada pembelanja besar (heavy spender) dan pembelanja cermat (light spender). Pembelanja besar biasanya terdiri daripada pelancong berpendapatan tinggi, warga asing, mereka yang pernah berkunjung sebelum ini dan pelancong bermotivasi kemasyhuran. Pembelanja cermat pula cenderung dipengaruhi oleh saiz kumpulan, serta jumlah lokasi yang dikunjungi. Musim pelancongan turut mempengaruhi corak perbelanjaan, contohnya musim puncak sering menyaksikan perubahan tingkah laku pembelian.

Pemodelan corak perbelanjaan ini membantu perniagaan dan pihak berkuasa meramalkan permintaan, menyesuaikan penawaran, serta merancang pembangunan destinasi dengan lebih tepat. Hal ini disebabkan oleh ciri-ciri yang serupa dimiliki oleh ahli segmen destinasi pelancongan yang membolehkan perniagaan dan pihak berkuasa untuk meramalkan dan menyesuaikan tawaran perkhidmatan mereka mengikut keperluan segmen pasaran yang disasarkan seperti pelancong berkeluarga, bujang, kewarganegaraan seperti Itali, Amerika Syarikat atau Semenanjung Arab.

Beberapa kajian antarabangsa turut menunjukkan kaedah perbelanjaan bersasar dapat mengukur impak ekonomi pelancongan. Sebagai contoh, perbelanjaan penyelam skuba di kawasan perlindungan marin (MPA) dianggarkan sekitar €400 setiap perjalanan atau €110 sehari dengan variasi ketara antara penyelam tempatan baharu dengan penyelam lanjutan dalam benua, penyelam antarabangsa berbelanja besar dan pengajar tempatan. Pola ini membuktikan bahawa segmentasi bukan sahaja memberikan gambaran tingkah laku pelawat, malah membantu merangka strategi pembangunan ekonomi pelancongan bagi sesuatu destinasi pelancongan, daerah atau negeri, serta negara.





Peluang dan Cabaran: Pelancongan Perubatan dan Pelancongan Kesejahteraan

Di sebalik tumpuan terhadap jumlah ketibaan dan angka perbelanjaan pelancong, hala tuju baharu pelancongan Malaysia menuntut perhatian lebih mendalam terhadap segmen bernilai tinggi seperti pelancongan perubatan dan pelancongan kesejahteraan. Kedua-dua segmen ini bukan sahaja berkembang pesat secara global, malah menunjukkan prestasi kukuh pada peringkat domestik.

Pada tahun 2023 misalnya, lebih daripada sejuta pelancong kesihatan datang ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan dan hal ini menghasilkan hampir USD500 juta dalam bentuk pendapatan perubatan. Setahun kemudian, rekod ini terus meningkat apabila Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) melaporkan ketibaan 1.6 juta pelancong kesihatan dengan nilai hasil berjumlah RM2.72 bilion. Corak pertumbuhan ini mencerminkan keyakinan terhadap kualiti perkhidmatan kesihatan negara.

Pada masa yang sama, pelancongan kesejahteraan turut menunjukkan potensi besar. Ramalan pasaran menjangkakan nilai keseluruhan sektor ini di Malaysia diunjurkan mencecah USD22.1 bilion menjelang tahun 2030. Trend ini dipacu permintaan terhadap percutan berasaskan kesihatan, spa dan percutan alam

yang semakin meningkat selepas pandemik. Destinasi seperti Langkawi, Kundasang, Cameron Highlands atau Janda Baik semakin dikenali sebagai lokasi yang menawarkan ketenangan dan ruang pemulihan diri, sesuatu yang tidak mudah digantikan oleh destinasi lain.

Perkembangan ini selari dengan keutamaan strategik TMM 2026 yang menggariskan segmen premium termasuk pelancongan perubatan, pelancongan kesejahteraan, ekopelancongan, pelancongan bertanggungjawab, warisan Islam dan gastronomi. Dengan adanya hospital bertaraf antarabangsa, pakej pemeriksaan kesihatan yang lebih kompetitif, serta pilihan pusat peranginan kesihatan di beberapa negeri, Malaysia mempunyai asas kukuh untuk menempatkan diri sebagai destinasi pelancongan bernilai tinggi di rantau ini.

Namun begitu, peluang yang besar ini datang bersama-sama cabaran yang bukan kecil. Pelancongan perubatan, misalnya beroperasi dalam persekitaran yang sangat kompetitif. Thailand memposisikan negaranya sebagai "hospital of the world", Singapura pula berdiri sebagai destinasi premium untuk rawatan kompleks berteknologi tinggi, manakala Korea Selatan menonjol dengan pembedahan estetik bertaraf global. Malaysia berada di tengah, iaitu kompetitif dari segi harga

dan meyakinkan dari segi kualiti. Untuk kekal relevan, Malaysia perlu memperkukuh kelebihan yang membezakan dirinya, bukan sekadar menawarkan rawatan berkualiti, tetapi sebagai destinasi yang menawarkan keseimbangan antara kepakaran klinikal dengan teknologi moden dan pengalaman pemulihan yang lebih menyeluruh.

Bagi pelancongan kesejahteraan, cabarannya bersifat lebih halus, tetapi tidak kurang pentingnya. Kualiti perkhidmatan yang tidak seragam, serta ketiadaan standard industri yang kukuh dapat menjejaskan kepercayaan pelancong. Sebagai contoh, industri penjagaan kesihatan Malaysia masih belum mempunyai standard kualiti perkhidmatan yang benar-benar seragam. Hal ini demikian kerana terdapat spa bertaraf lima bintang yang menawarkan pengalaman bertaraf global, tetapi pada masa yang sama penyedia beroperasi tanpa kelayakan profesional. Pelancong, terutamanya dari negara berpendapatan tinggi amat menitikberatkan kredibiliti pengamal, kebersihan, keselamatan rawatan dan keaslian pengalaman. Tanpa garis panduan yang kukuh, Malaysia berisiko kehilangan peluang untuk meletakkan dirinya sebagai destinasi kesejahteraan yang benar-benar premium.

Selain itu, pelancongan kesejahteraan sangat bergantung pada alam sekitar dan inilah cabaran yang memerlukan perhatian mendalam. Kebanyakan pusat peranginan ketenangan terletak di kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan, pergunungan, pesisir pantai dan pulau. Pembangunan tanpa kawal selia dapat menyebabkan tekanan alam sekitar, pencemaran dan akhirnya merosakkan aset semula jadi yang menjadi daya tarikan utama segmen ini. Pada era pelancongan moden, pelancong semakin memilih destinasi yang bukan sahaja menawarkan keindahan alam, tetapi juga komitmen terhadap kelestarian. Sekiranya Malaysia gagal melindungi warisan alamnya, sektor pelancongan kesejahteraan tidak dapat berkembang secara mampan.

Kekuatan sebenar kedua-dua segmen ini terletak pada nilai perbelanjaan tinggi yang dibawa pelawat. Pelancong perubatan memerlukan rawatan dan tempoh pemulihan, manakala pelancong kesejahteraan lazimnya memilih pakej tiga hingga 10 hari yang merangkumi penginapan, makanan premium, gangkutan, rawatan susulan dan produk gaya hidup. Faktor ini yang menjadikan kedua-dua segmen sebagai pemacu pendapatan bernilai tinggi dalam strategi pelancongan negara.

Ternyata, pembinaan ekosistem pelancongan bernilai tinggi memerlukan penyelarasan antara kerajaan dengan industri dan masyarakat setempat. Hal ini merangkumi dasar, pembangunan tenaga mahir, peningkatan kemudahan, promosi antarabangsa dan produk pelancongan yang perlu bergerak seiring atau lebih pantas daripada pesaing serantau. Pelancongan perubatan dan pelancongan kesejahteraan bukan sekadar dua segmen baharu, bahkan peluang untuk Malaysia memimpin transformasi pelancongan bernilai tinggi. Peluang ini hanya dapat dimanfaatkan sepenuhnya jika negara bersedia menangani cabaran yang mendasarinya dengan serius, terancang dan berwawasan.

Aspirasi TMM 2026

Perkembangan yang dilihat hari ini menunjukkan bahawa industri pelancongan Malaysia sedang memasuki fasa yang lebih matang. Sektor pelancongan bukan sahaja bangkit semula selepas pandemik, tetapi berperanan sebagai pemacu penting ekonomi negara. Sekiranya bilangan pelawat, pola perbelanjaan dan sumbangan kepada KDNK dapat dikekalkan atau dipertingkatkan, hal ini akan memberikan impak positif kepada ekonomi negara. Dengan TMM 2026 yang berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan pelancongan berkualiti tinggi dan lestari, tahun 2026 berpotensi menjadi titik perubahan penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Namun begitu, di sebalik sasaran besar dan strategi berimpak tinggi, sektor pelancongan pada akhirnya berpaksikan satu persoalan asas, iaitu sejauh mana manfaatnya mengalir kepada peniaga kecil, menyediakan peluang pekerjaan kepada belia dan memberikan ruang kepada komuniti tempatan untuk menonjolkan identiti budaya tempatan. Hal ini merupakan nadi aspirasi pelancongan negara. Sekiranya Malaysia berjaya menyeimbangkan antara pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan rakyat yang lebih inklusif dan berkualiti, maka TMM 2026 bukan sekadar kempen, tetapi langkah ke arah Malaysia yang lebih berdaya saing, makmur dan berdaya tahan. 

**Dr. Rosmini Ismail, Pensyarah Kanan
di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.**